


*Ini adalah disahkan bahawa thesis ini telah di-  
baca dan disemak oleh :-*

*Encik Abdul Ghani Mohd Desa, selaku penyelia.*

*Saya berpuashati dan bersetuju dalam skop dan  
nilai thesis akhir ini untuk penganugerahan  
Diploma Senibina, Institut Teknologi Mara.*

*Tandatangan :*



*Encik Abdul Ghani Mohd. Desa*

*Pensyarah Kanan Diploma Senibina,  
ITM Shah Alam, Selangor.*

PENEMPATAN AWAL SERTA PERKEMBANGAN DAN  
PENGARUH KOLONIAL (BRITISH) DI MUAR

Oleh

HUZIR BIN HAJI LIP

Satu Kajian Akhir Yang  
Disediakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat  
Untuk Penganugerahan  
**DIPLOMA SENIBINA**

Jabatan Senibina  
Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam

OGOS 1987

## KANDUNGAN

PENDAHULUAN  
PEMILIHAN TAJUK  
MATLAMAT/OBJEKTIF  
METHODOLOGI  
PENGHARGAAN

<b>1.00</b>	<b>SEJARAH AWAL</b>
1.01	Latarbelakang Alam Sekitar Dan Sejarah
1.02	Muar Mengikut Hikayat Lama
1.03	Muar Dalam Geografi Ptolemy
<b>2.00</b>	<b>MUAR DALAM ZAMAN BEBERAPA EMPAYAR</b>
2.01	Muar Di Zaman Empayar Funan
2.02	Muar Di Zaman Kerajaan Khmer Atau Kerajaan
2.03	Muar Di Zaman Empayar Seriwijaya
2.04	Muar Di Zaman Empayar Majapahit
2.05	Muar Di Zaman Portugis
2.06	Muar Di Zaman Belanda
<b>3.00</b>	<b>PENEMPATAN AWAL DI MUAR SERTA PERKEMBANGAN</b>
3.01	Padang
3.02	Parit Raja
3.03	Parit Jawa
3.04	Bukit Mor
3.05	Parit Jamil
3.06	Parit Pecah

## PENDAHULUAN

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa setiap pelajar di dalam kursus Diploma Senibina diwajibkan membuat dua hasil penulisan iaitu disertas pada semester 06 dan pengajian akhir (Final study) pada semester 08 iaitu semester akhir dalam kursus ini.

Pengajian akhir ini adalah merupakan sebuah hasil tesis yang telah menjadi salah satu syarat penganugerahan Diploma. Tujuan utama pengajian akhir ini adalah untuk melihat sejauh mana kematangan berfikir seseorang pelajar. Ia juga untuk menilai segala apa yang telah dipelajari selama mengikuti kursus senibina dalam memberi sebarang pendapat, ide-ide, komen-komen berpandukan kepada analisa-analisa dibuat.

Ia juga sekurang-kurangnya dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk meluahkan segala apa yang dipendamkan selama mempelajari kursus senibina dalam bentuk penulisan yang lebih teratur dan tersusun. Final study ini juga dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk menyelidiki sejarah-sejarah senibina pada masa nenek-moyang kita yang penuh dengan berbagai misteri dan keunikannya. Ia juga secara tidak langsung dapat mengasah bakat yang ada pada pelajar-pelajar tersebut.

## PEMILIHAN TAJUK

Sebab-sebab utama pemilihan tajuk ini adalah kerana memandangkan Muar adalah sebuah bandar yang terletak di muara sungai yang mana mungkin bandar ini mempunyai unsur-unsur sejarah yang istimewa.

Memandangkan bandar itu adalah salah sebuah bandar yang terletak di muara sungai di Johor maka kemungkinan besar bandar tersebut merupakan penempatan awal bagi para pendatang dan penjajah yang sampai ke Tanah Melayu yang perlu kita kaji sebab-sebab lain pemilihan tajuk ini adalah kerana belum ada lagi buku-buku yang betul-betul mengkaji sejarah perkembangan bandar Muar serta faktor-faktor senibina.

Selain dari itu di sini penulis ingin mengungkit rahsia bagaimana Muar yang diperintah oleh orang-orang Melayu setanding dengan kuasa-kuasa pemerintah asing.

Diharap dengan penulisan ini maka kita sebagai anak Melayu bangga dengan keupayaan orang-orang Melayu dahulu sehingga dihormati oleh bangsa lain. Ini juga dapat meniup semangat sebagai seorang Melayu yang tinggal dalam negeri Melayu.